- (q) **Qard** adalah pinjaman tanpa faedah yang kami sediakan jika berlakunya defisit dalam dana takaful am.
- (r) **Shariah** bermaksud undang-undang Islam sebagaimana ditafsirkan oleh jawatankuasa Syariah.
- (s) **Jawatankuasa Syariah** bermaksud jawatankuasa Syariah kami.
- (t) **Kecurian ragut** bermaksud tindakan yang tidak jujur dalam mengambil harta mudah alih yang dimiliki oleh orang lain, tanpa mendapatkan kebenaran orang tersebut dan dilakukan secara tersembunyian, kejutan dan paksaan, dengan niat untuk merampas secara kekal harta itu daripada orang tersebut.
- (u) **Pasangan** bermaksud pasangan sah orang prinsipal yang dilindungi yang dinamakan di dalam sijil takaful atau sebarang pengendorsan selepasnya untuk mengenalpasti pasangan tersebut.
- (v) **Anak tiri** bermaksud anak kandung kepada pasangan sah orang prinsipal yang dilindungi, yang diperolehi daripada perkahwinan sebelumnya.
- (w) **Hilang upaya menyeluruh sementara** bermaksud yang berikut:

Bagi orang yang dilindungi yang bekerja

Hilang upaya sementara, disebabkan oleh kecederaan tubuh akibat kemalangan, yang menyebabkan hilang upaya sepenuhnya dan menghalang orang yang dilindungi daripada menjalani sebarang perniagaan, profesion atau pekerjaan biasanya.

Bagi orang yang dilindungi yang tidak bekerja

Bagi orang yang dilindungi, yang ketika hilang upaya sementara berlaku, adalah tidak berkerja atau merupakan seorang suri rumah, hilang upaya bermaksud ketidakupayaan fizikal sementara akibat kecederaan tubuh akibat kemalangan yang menghalangnya daripada melakukan sekurang-kurangnya 3 aktiviti harian berikut, yang kebiasaannya dapat dilakukan oleh beliau dalam menjalani kehidupan harian sekiranya hilang upaya tersebut tidak berlaku:

- i. Beralih - duduk dan bangun dari kerusi tanpa bantuan.
- ii. Bergerak - keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik lain tanpa bantuan.
- iii. Membuang air - keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara semulajadi.

- iv. Berpakaian - memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan.
- v. Mandi dan membersihkan diri - keupayaan untuk membersihkan diri dalam bilik mandi atau bilik air (termasuklah masuk atau keluar dari bilik mandi atau bilik air) atau membersihkan dengan sebarang cara lain.
- vi. Makan - semua cara untuk memasukkan makanan ke dalam badan apabila ia telah disediakan.

(x) **Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** bermaksud yang berikut:

Bagi orang yang dilindungi yang bekerja:

Hilang upaya, disebabkan oleh kecederaan tubuh akibat kemalangan, yang menyeluruh dan kekal dan berterusan selama sekurang-kurangnya 180 hari, dan menghalang sepenuhnya orang yang dilindungi daripada menjalani pekerjaan beliau atau sebarang pekerjaan lain yang layak dilakukannya berdasarkan latihan, pendidikan atau pengalaman.

Terjadinya salah satu daripada yang berikut juga dianggap sebagai TPD:

- i. Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;
- ii. Kehilangan kekal atau kehilangan kekal penggunaan dua anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki; atau
- iii. Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada satu mata dan kehilangan kekal atau kehilangan kekal penggunaan satu anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki.

Bagi orang yang dilindungi yang tidak bekerja:

Bagi orang yang dilindungi, yang ketika hilang upaya berlaku telah mencapai umur 6 tahun dan ke atas dan tidak bekerja, atau merupakan seorang suri rumah, TPD bermaksud ketidakupayaan yang kekal dan berterusan menghalangnya daripada melakukan sekurang-kurangnya 3 aktiviti harian berikut:

- i. Beralih - duduk dan bangun dari kerusi tanpa bantuan.
- ii. Bergerak - keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik lain tanpa bantuan.
- iii. Membuang air - keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara semulajadi.
- iv. Berpakaian - memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan.
- v. Mandi dan membersihkan diri - keupayaan untuk membersihkan diri dalam bilik mandi atau bilik air (termasuklah masuk atau keluar dari bilik mandi atau bilik air) atau membersihkan dengan sebarang cara lain.
- vi. Makan - semua cara untuk memasukkan makanan ke dalam badan apabila ia telah disediakan.

Berlakunya salah satu berikut juga dianggap sebagai TPD:

- i. Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;

- ii. Kehilangan kekal atau kehilangan kekal penggunaan dua anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki; atau
- iii. Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada satu mata dan kehilangan kekal atau kehilangan kekal penggunaan satu anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki.

Untuk dianggap kekal, hilang upaya mestilah berterusan selama sekurang-kurangnya 180 hari.

(y) **Anda** bermaksud sebarang organisasi atau institusi yang dinamakan sebagai pemegang kontrak induk di dalam jadual kontrak.

(z) **Kami** bermaksud CIMB Aviva Takaful Berhad.

2. Kontrak

2.1 Kami telah mengeluarkan kontrak ini untuk sumbangan yang dinyatakan di dalam sijil takaful.

2.2 Kami bergantung kepada kebenaran kenyataan yang dibuat di dalam borang permohonan/ikrar penyertaan, perakuan, kenyataan peribadi dan sebarang kenyataan lain yang dibuat kepada kami, ejen, kakitangan dan/atau ejen telepemasaran yang dibenarkan.

2.3 Peruntukan-peruntukan dan pengendorsan di dalam kontrak ini, jadual kontrak, lampiran, sebarang penambahan, ikrar penyertaan, kenyataan peribadi dan perakuan yang telah dibuat oleh orang yang dilindungi membentuk asas kontrak ini.

3. Perubahan kepada kontrak

3.1 Tidak ada ejen atau mana-mana individu lain mempunyai kuasa untuk meminda, atau mengambil keputusan untuk tidak menguatkuasakan, sebarang peruntukan atau klausa yang terkandung di dalam kontrak ini, kecuali apabila pengendorsan kontrak dikeluarkan dan ditandatangani oleh pegawai kami yang diberikuasa untuk berbuat demikian.

4. Kelayakan

4.1 Orang yang layak di bawah kontrak ini adalah seperti dinyatakan dalam jadual kontrak.

5. Pertukaran jenis skim

5.1 Tertakluk kepada kelulusan kami dan/atau bayaran sumbangan sebagaimana dinyatakan dalam jadual kontrak, pemegang sijil boleh menukar jenis skim.

5.2 Tarikh berkuatkuasa untuk jenis skim baru dan sumbangan yang telah diubah adalah pada tarikh ulangtahun sijil takaful seterusnya berikutan kelulusan kami.

6. Tarikh berkuatkuasa perlindungan takaful

6.1 Tertakluk kepada bayaran sumbangan,

(a) untuk orang prinsipal yang dilindungi, perlindungan takaful akan berkuatkuasa dari tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful.

- (b) untuk pasangan yang dinamakan dalam sijil takaful (yang mana berkaitan), perlindungan takaful akan berkuatkuasa dari tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful.
- (c) untuk pasangan yang layak di bawah perlindungan takaful (yang mana berkaitan) dan menurut kuasa menukar jenis skim, perlindungan takaful akan berkuatkuasa dari tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam pengendorsan yang meluluskan pertukaran jenis skim.
- (d) untuk kanak-kanak yang layak di bawah perlindungan takaful (yang mana berkaitan) dan berumur 30 hari ke atas, perlindungan takaful akan berkuatkuasa dari tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful.
- (e) untuk kanak-kanak yang layak di bawah perlindungan takaful (yang mana berkaitan) melalui pertukaran jenis skim dan berumur 30 hari ke atas, perlindungan takaful akan berkuatkuasa dari tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam pengendorsan yang meluluskan pertukaran jenis skim.
- (f) untuk kanak-kanak yang layak di bawah perlindungan takaful (yang mana berkaitan) dan berumur 30 hari ke bawah, perlindungan takaful hanya akan berkuatkuasa dari tarikh kanak-kanak tersebut mencapai umur 30 hari (termasuk).

7. Hak dan pilihan

- 7.1 Hanya pemegang sijil seperti mana yang dinyatakan di dalam sijil takaful boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan di bawah kontrak atau sijil takaful ini.

8. Tempoh semakan percuma (tempoh pembatalan)

- 8.1 Dalam masa 15 hari selepas kami menghantar sijil takaful ini, pemegang sijil boleh membatalkannya dengan memulangkan sijil takaful tersebut kepada kami.
- 8.2 Kami akan memulangkan sebarang sumbangan yang telah dibayar oleh pemegang sijil.

9. Bayaran sumbangan dan tempoh tenggang

- 9.1 **Bayaran sumbangan**
Pemegang sijil mesti membayar semua sumbangan pada atau sebelum tarikh tamat tempohnya.
- 9.2 **Mod/kekerapan bayaran**
Mod/kekerapan bayaran sumbangan adalah seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful.
- 9.3 **Kadar sumbangan**
Sumbangan perlu dibayar adalah seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful. Kami berhak untuk menyemak kadar sumbangan pada tarikh ulangtahun sijil seterusnya dengan memberikan notis bertulis 60 hari lebih awal kepada pemegang kontrak induk dan pemegang-pemegang sijil yang dihantar ke alamat terakhir mereka yang diketahui.
- 9.4 **Sumbangan tidak dibayar**
Selepas membayar sumbangan pertama, jika pemegang sijil gagal membayar sebarang sumbangan seterusnya dalam tempoh tenggang, sijil takaful akan ditamatkan secara automatik pada akhir tempoh tenggang tersebut.

9.5 Tempoh tenggang

Pemegang sijil mempunyai 60 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar (termasuk) untuk membayar setiap sumbangan yang perlu dibayar, di mana sewaktu tempoh ini sijil takaful masih berkuatkuasa. Jika pemegang sijil masih tidak membayar sumbangan tersebut pada akhir tempoh tenggang, sijil ini akan tamat (luput) dan orang yang dilindungi tidak akan mempunyai sebarang perlindungan takaful, manfaat atau nilai.

9.6 Tuntutan manfaat

Jika kami telah meluluskan tuntutan di bawah sijil takaful ini, dan kemalangan yang berlaku tersebut adalah dalam tempoh tenggang atau dalam tempoh satu tahun sijil, kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemegang sijil berhutang kepada kami.

10. Pengembalian semula sijil

10.1 Jika pemegang sijil tidak membayar sumbangan dalam tempoh tenggang, sijil ini akan tamat (luput) dan orang yang dilindungi tidak akan mempunyai sebarang perlindungan takaful, manfaat atau nilai.

10.2 Kami boleh mengembalikan semula sijil takaful ini dalam masa 2 tahun selepas tarikh sumbangan yang perlu dibayar tetapi tidak dijelaskan, jika kami mengambil keputusan untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, pemegang sijil mesti:

- (a) melengkapkan dan menandatangani borang pengembalian semula;
- (b) memperakui dengan jujur dan benar ke semua fakta yang terdapat di dalam borang pengembalian semula;
- (c) menyediakan semua maklumat (jika ada) yang telah kami minta; dan
- (d) membayar semua tunggakan sumbangan.

10.3 Kami bergantung kepada kebenaran kenyataan yang dibuat di dalam borang pengembalian semula, perakuan, kenyataan peribadi dan sebarang kenyataan lain yang dibuat kepada pemeriksa perubatan kami, soal-selidik, pengendorsan atau pindaan bertulis.

10.4 Jika kami mendapat tahu terdapat sebarang maklumat yang tidak benar atau disembunyikan, kami akan mengeneipkan (dan seterusnya menamatkan) sijil yang dikembalikan semula ini.

10.5 Kami hanya boleh melakukannya dalam masa 2 tahun pertama selepas pengembalian semula sijil, kecuali kami dapat membuktikan berlaku penipuan atau pemegang sijil gagal membayar sumbangan.

10.6 Jika kami mengeneipkan mana-mana sijil yang dikembalikan semula (atas sebab selain dari penipuan), kami akan memulangkan sumbangan yang telah dibayar bermula dari tarikh pengembalian semula yang terakhir. Kami tidak akan memulangkan sumbangan yang telah dibayar sebelum tarikh pengembalian semula.

11. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman orang yang dilindungi

11.1 Kontrak ini tidak menyekat orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak dijejaskan oleh lokasi tempat tinggalnya.

12. Umur

- 12.1 Sijil takaful ini dikeluarkan untuk umur orang yang dilindungi sebagaimana tertera di dalam sijil, berdasarkan tarikh lahir yang dinyatakan semasa penyertaan.
- 12.2 Jika umur orang yang dilindungi telah tersilap dinyatakan, dan umur sebenar tidak berada di dalam lingkungan had yang diterima oleh kami, jika terdapat tuntutan, apabila tuntutan diluluskan, liabiliti kami akan terhad kepada jumlah sumbangan dibayar.

13. Penama

- 13.1 Penama yang dinamakan dalam borang penamaan atau sebarang pindaan yang dibuat oleh pemegang sijil, akan menerima manfaat kematian, sama ada sebagai wasi atau sebagai benefisiari selaras dengan Akta Insurans 1996 untuk bukan-Islam. Seseorang penama pencadang Islam, yang telah dianggap sebagai pihak menuntut yang sepatutnya, hendaklah setelah menerima manfaat kematian menganggap peranan wasi dan mengagihkan manfaat kematian mengikut prinsip Faraid dalam Shariah. Prinsip itu adalah tertakluk kepada Seksyen 65 Akta Takaful 1984 dan keputusan Mahkamah Shariah. Pemegang sijil boleh menukar penama pada bila-bila masa.
- 13.2 Kami tidak mempunyai sebarang liabiliti di bawah sijil takaful yang berkenaan selepas manfaat-manfaat telah yang dibayar kepada penama atau pihak menuntut yang sepatutnya, selaras dengan Seksyen 166 dan 167 Akta Insurans 1996 atau Seksyen 65 Akta Takaful 1984.

14. Yuran wakalah

- 14.1 Kami akan mengambil yuran wakalah daripada sumbangan untuk perkhidmatan yang diberikan. Ia adalah peratusan daripada sumbangan yang perlu dibayar seperti yang dinyatakan dalam jadual yuran wakalah.
- 14.2 Kami boleh mengubah peratusan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 60 hari ke alamat terakhir pemegang kontrak induk dan pemegang-pemegang sijil yang diketahui.

15. Tabarru'

- 15.1 Kami akan mengambil tabarru' iaitu sumbangan yang perlu dibayar ditolak dengan yuran wakalah, dan memindahkan jumlah ini ke dalam dana takaful am, yang digunakan untuk membayar manfaat takaful.
- 15.2 Kami boleh mengubah tabarru' ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 60 hari ke alamat terakhir pemegang kontrak induk dan pemegang-pemegang sijil yang diketahui.

16. Dana takaful am

- 16.1 Kami akan mengumpulkan semua tabarru' yang dikutip ke dalam dana takaful am, iaitu akaun/dana simpanan dari mana kami membayar semua manfaat takaful di bawah kontrak dan sijil takaful.
- 16.2 Kami akan menguruskan dan melaburkan dana takaful am sejajar dengan Shariah.

- 16.3 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dana takaful am serta sebarang perbelanjaan lain yang berkaitan dengan dana takaful am.
- 16.4 Jika dana takaful am tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, kami akan mengaturkan qard (pinjaman tanpa faedah) dari dana kami untuk membayar kekurangan tersebut. Qard akan dibayar balik apabila terdapat lebihan di dalam dana takaful am.

17. Perkongsian lebihan

- 17.1 Jika pada akhir setiap tahun kewangan terdapat lebihan di dalam dana takaful am, pemegang-pemegang sijil berhak berkongsi lebihan sebanyak 50% daripada lebihan yang diperuntukkan untuk pengagihan, selepas pembayaran balik qard (jika ada). Walau bagaimanapun, pemegang sijil tersebut mestilah tidak pernah membuat sebarang tuntutan atau menerima sebarang manfaat di bawah sijil ini.
- 17.2 Jika lebihan bersih yang perlu dibayar kepada pemegang sijil adalah kurang daripada atau bersamaan dengan RM10, lebihan bersih tersebut akan dimasukkan semula ke dana takaful am.

18. Penarikan balik produk takaful

- 18.1 Kami berhak untuk membatalkan kontrak ini dan sijil takaful sepenuhnya jika kami mengambil keputusan untuk menamatkan pengurusan produk takaful ini dengan memberi notis bertulis 60 hari terlebih awal ke alamat terakhir pemegang kontrak induk dan pemegang-pemegang sijil yang diketahui.
- 18.2 Kontrak dan sijil takaful ini, tertakluk kepada bayaran sumbangan dalam tempoh tenggang, akan disambung sehingga tarikh ulangtahun sijil seterusnya.

19. Pembaharuan bersyarat

- 19.1 Sijil takaful akan diperbaharui setiap tahun tertakluk kepada bayaran sumbangan dalam tempoh tenggang dan terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini.
- 19.2 Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan semasa pembaharuan. Kontrak dan sijil takaful ini akan terus digunakan.
- 19.3 Kadar sumbangan pembaharuan adalah tidak dijamin. Kami berhak untuk menyemak kadar sumbangan pada tarikh ulangtahun sijil seterusnya dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 60 hari terlebih awal ke alamat terakhir pemegang kontrak induk dan pemegang-pemegang sijil yang diketahui. Sebarang perubahan dalam kadar sumbangan tersebut, jika ada, akan sah ke atas semua pemegang sijil tanpa mengambilkira pengalaman tuntutan individu.
- 19.4 Kami tidak akan memperbaharui sijil takaful dan kontrak induk jika kami mengambil keputusan untuk menamatkan pengurusan produk takaful ini sebagaimana dinyatakan di bawah syarat penarikan balik produk takaful.

20. Undang-undang

- 20.1 Kontrak ini adalah di bawah pentadbiran undang-undang Malaysia.

21. Notis tuntutan

- 21.1 Jika pemegang sijil atau wakil sah beliau membuat tuntutan, pihak yang menuntut mesti memberikan notis bertulis kepada kami dalam masa 30 hari selepas kejadian yang dilindungi tersebut berlaku.

22. Bukti tuntutan

- 22.1 Pemegang sijil atau wakil sah beliau mesti menghantar bukti tuntutan kepada kami dalam masa 30 hari selepas tarikh pemberian notis kepada kami. Pihak yang menuntut juga dikehendaki membayar sebarang kos yang perlu untuk melakukannya.
- 22.2 Kami juga boleh meminta untuk mendapatkan laporan perubatan dan bukti lanjutan.
- 22.3 Pihak yang menuntut perlu menyerahkan dokumen yang diperlukan oleh kami dalam tempoh yang sewajarnya dan memberikan kerjasama kepada kami dalam semua perkara yang berkaitan untuk sebarang kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menjejaskan tuntutan.

23. Takaful-semula / Diinsurans-semula

- 23.1 Kami boleh menguruskan takaful-semula atau diinsurans-semula dengan sumber lain yang kami rasakan wajar. Sebarang takaful-semula tertakluk kepada kelulusan jawatankuasa Syariah kami.

24. Aktiviti rekreasi dan sukan

- 24.1 Kontrak ini memberikan perlindungan takaful untuk semua aktiviti yang disenaraikan di bawah, tertakluk kepada orang yang dilindungi mengambil bahagian di dalam aktiviti ini atas dasar rekreasi dan bukan untuk sebarang perlumbaan, kelajuan atau ujian masa atau sebagai profesional.
- 24.2 Memanah (di bawah pengawasan), badminton, kriket pantai, bola sepak dan bola tampar, bowling, berkanu, berkayak dan berakit (gred 1 dan 2 sahaja), menembak burung tanah liat (di bawah pengawasan), *curling*, berbasikal (bukan basikal lumba lasak, berbasikal gunung atau perlumbaan), lawan pedang (pakaian perlindungan mesti digunakan), memancing (bukan memancing laut dalam), golf, menunggang kuda (bukan memburu, melompat atau polo), belon udara panas (penumpang sahaja dan dianjurkan oleh operator percutian), mendaki gunung yang tidak memerlukan tali atau jurupandu, layar-layang (di atas air), trek berkuda, *racquetball*, bersepatu roda atau luncur (pakaian perlindungan mesti digunakan), raunders, mendayung (air pedalaman sahaja), safari (kamera sahaja dan dianjurkan oleh operator percutian), snorkeling, skuash, berenang, ping pong, tenis, lompat trampolin, tarik tali, polo air.

25. Pembatalan

- 25.1 Pemegang sijil boleh membatalkan sijil takaful pada bila-bila masa selepas tempoh semakan percuma dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Tarikh pembatalan berkuatkuasa adalah pada tarikh sumbangan perlu dibayar seterusnya berikutan penerimaan notis oleh kami. Sijil tersebut tidak layak mendapat pembayaran balik sumbangan apabila dibatalkan.

26. Penamatan

26.1 Kontrak ini akan tamat di bawah keadaan berikut:

- (a) Pada tarikh ulangtahun sijil takaful terakhir yang dikeluarkan di bawah kontrak ini, serta-merta berikutan notis penarikan balik produk takaful oleh kami.

26.2 Sijil takaful ini akan tamat di bawah keadaan berikut:

- (a) Apabila sijil takaful dibatalkan oleh pemegang sijil;
- (b) Apabila sumbangan tidak dibayar dalam tempoh tenggang;
- (c) Apabila pemegang sijil meninggal dunia;
- (d) Apabila pemegang sijil mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal;
- (e) Pada tarikh ulangtahun sijil takaful serta-merta berikutan hari lahir ke-70 pemegang sijil;
- (f) Pada tarikh ulangtahun sijil takaful serta-merta berikutan notis penarikan balik produk takaful oleh kami; atau
- (g) Sebagaimana yang kami nyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam lampiran kontrak ini.

26.3 Perlindungan takaful untuk orang yang dilindungi akan tamat di bawah keadaan berikut:

- (a) Apabila sijil takaful ditamatkan;
- (b) Jika orang yang dilindungi tersebut seorang kanak-kanak:
 - i. Apabila orang yang dilindungi tersebut mencapai umur 21 tahun;
 - ii. Apabila orang yang dilindungi tersebut mencapai umur 23 tahun, jika orang yang dilindungi adalah kanak-kanak yang didaftarkan sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf;
- (c) Apabila orang yang dilindungi tersebut meninggal dunia;
- (d) Apabila orang yang dilindungi tersebut mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal;
- (e) Pada tarikh ulangtahun sijil takaful serta-merta berikutan hari jadi ke-70 orang yang dilindungi tersebut; atau
- (f) Sebagaimana yang kami nyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam lampiran kontrak ini.

27. Duti Setem

27.1 RM10 akan dicaj kepada anda untuk duti setem.

LAMPIRAN PA004

Pengecualian am dan had

1. Pengecualian am

1.1 Kami tidak melindungi sebarang kerugian atau kecederaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh yang berikut:

- (a) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambilkira keadaan mental orang yang dilindungi;
- (b) Semasa atau kerana orang yang dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah atau menyertai sebarang tindakan jenayah atau pergaduhan;
- (c) Penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam, atau sebagai mangsa, sebarang bentuk peperangan, keganasan, pengganas, sebarang aktiviti menyalahi undang-undang, atau mendahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan tentera, penentangan, konspirasi, rampasan atau kuasa tentera, pemerintahan tentera atau darurat, pengepungan atau sebarang peristiwa atau punca yang menentukan perisytiharan atau penggunaan pemerintahan tentera atau darurat; dan sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang menjurus kepada penggulingan secara paksa atau sebarang kerajaan de jure atau de facto;
- (d) Aktiviti bawah air dengan kedalaman lebih daripada 30 meter melibatkan penggunaan peralatan pernafasan;
- (e) Perjalanan dalam mana-mana kapal terbang, kecuali sebagai penumpang tambang berbayar dalam kapal terbang komersil berjadual biasa atau menunggang motosikal (kedua-dua sebagai penunggang dan pembonceng) untuk tujuan perniagaan;
- (f) Sewaktu mengambil bahagian di dalam atau berlatih untuk rekreasi atau aktiviti sukan yang tidak disenaraikan di dalam aktiviti sukan dan rekreasi yang dilindungi, atau terlibat di dalam pekerjaan atau kegemaran merbahaya ketika berlakunya kemalangan yang menyebabkan timbulnya tuntutan

i. **Pekerjaan merbahaya**

Eksplorasi, pengekstrakan atau pembinaan mineral bawah tanah; pengekstrakan atau pembinaan luar pantai atau bawah air; eksplorasi, pengeluaran atau penapisan minyak dan gas; pelayaran atau penangkapan ikan komersil; bekerja dengan senjata api, peluru, bahan letupan, bunga api atau kuantiti besar bahan toksik; bekerja pada ketinggian melebihi 15 meter dari tanah; terbang kecuali sebagai penumpang tambang berbayar di dalam kapal terbang komersil berlesen untuk perkhidmatan penumpang; polis atau menyertai aktiviti dan latihan ketenteraan; bomba atau operasi mencari dan menyelamat; penyelam; firma keselamatan; pemandu teksi; penghantar kiriman; pemandu kenderaan berat atau menyertai sukan profesional.

ii. **Kegemaran merbahaya**

Sukan profesional, aktiviti sukan udara (seperti luncur angin, belon, terjun bungee, payung terjun, terjunan udara atau aktiviti seumpamanya); sukan pemotoran; sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki; mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali; atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya.

- (g) Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;

- (h) Hernia, kesakitan, penyakit, hamil, melahirkan anak, keguguran atau keracunan makanan, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC), keadaan atau masalah fizikal sedia-ada dan komplikasi secara langsung atau tidak langsung daripadanya;
- (i) Sebarang komplikasi akibat gigitan nyamuk; atau
- (j) Sebarang jangkitan virus, parasit atau bakteria.

2. Had

2.1 Pasangan (yang mana berkaitan)

Tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang tuntutan ke atas nama pasangan dalam sijil takaful, jika pasangan yang dinamakan itu, ketika kemalangan berlaku, bukan pasangan seperti yang ditakrifkan.

2.2 Anak tiri (yang mana berkaitan)

Tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang tuntutan ke atas anak tiri seperti ditakrifkan, jika:

- (a) orang prinsipal yang dilindungi dan pasangan yang merupakan ibubapa kandung anak tiri ketika kemalangan berlaku, telah bercerai; atau
- (b) pasangan yang merupakan ibubapa kandung anak tiri tersebut, ketika kemalangan berlaku, bukan pasangan seperti ditakrifkan.

2.3 Kanak-kanak (yang mana berkaitan)

Untuk kanak-kanak sebagaimana ditakrifkan yang berumur di antara 21 tahun dan 23 tahun (termasuk), tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang tuntutan ke atas kanak-kanak tersebut, jika kanak-kanak tersebut, ketika kemalangan berlaku, bukan lagi pelajar berdaftar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf.

LAMPIRAN PA005

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian akibat kemalangan

1. Kematian akibat kemalangan

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini, jika, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan (seperti ditakrifkan) dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat, seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau di dalam sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemegang sijil berhutang kepada kami dan sebarang jumlah yang telah dibayar sebelumnya di bawah manfaat pilihan jenis dipercepatkan (yang mana berkaitan).
- 1.2 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada kematian orang yang dilindungi berlaku dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan semasa sijil takaful berkuatkuasa.

2. Hilang

- 2.1 Kami akan membayar manfaat kematian jika orang yang dilindungi hilang semasa sijil takaful berkuatkuasa dan mayatnya tidak ditemui dalam masa 365 hari selepas kehilangan beliau, dan kami berpuashati dengan bukti yang menunjukkan bahawa beliau telah mengalami kecederaan tubuh dan kecederaan tersebut telah menyebabkan kematiannya. Pihak yang akan dibayar manfaat tersebut harus menandatangani perjanjian untuk memulangkan kepada kami jumlah yang diterima sekiranya orang yang dilindungi, kemudiannya, ditemui masih hidup.

3. Penamatan manfaat

- 3.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi meninggal dunia atau tidak lagi layak berdasarkan terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini.

LAMPIRAN PA006

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian akibat kemalangan dalam pengangkutan awam

1. Kematian akibat kemalangan dalam pengangkutan awam

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini, jika, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian akibat kemalangan orang yang dilindungi ketika beliau menggunakan pengangkutan awam dan pengangkutan awam tersebut terlibat dalam kemalangan yang sama dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar tambahan 100% daripada jumlah manfaat kematian akibat kemalangan seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau di dalam sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemegang sijil berhutang kepada kami dan sebarang jumlah yang telah dibayar sebelumnya di bawah manfaat pilihan jenis dipercepatkan (yang mana berkaitan).
- 1.2 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada berlaku kematian orang yang dilindungi dan dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan semasa sijil takaful berkuatkuasa.

2. Penamatan manfaat

- 2.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi meninggal dunia atau tidak lagi layak berdasarkan terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini.

LAMPIRAN PA007

Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat kemalangan

1. Hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat kemalangan

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini, jika, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuaskan mengenai hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat kemalangan (seperti ditakrifkan) berlaku ke atas orang yang dilindungi dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau di dalam sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemegang sijil berhutang kepada kami dan sebarang jumlah yang telah dibayar sebelumnya di bawah manfaat pilihan jenis dipercepatkan (yang mana berkaitan).
- 1.2 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada:
 - (a) hilang upaya menyeluruh dan kekal telah berlaku ke atas orang yang dilindungi dan dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan semasa sijil takaful berkuatkuasa; dan
 - (b) kemalangan berlaku selepas orang yang dilindungi mencapai umur 6 tahun (termasuk).

2. Penamatan manfaat

- 2.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal atau tidak lagi layak berdasarkan terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini.

LAMPIRAN PA008

Peruntukan manfaat – Manfaat diskaun tiada tuntutan

1. Diskaun tiada tuntutan

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini, jika, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, setelah dikesan dan disahkan bahawa tiada tuntutan dibuat ke atas setiap orang yang dilindungi di bawah skim tersebut bagi 1 tahun sijil penuh, kami akan memberi diskaun 20% ke atas kadar sumbangan seperti yang dinyatakan dalam jadual kontrak induk, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, untuk semua sumbangan yang perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut.
- 1.2 Kelayakan diskaun tiada tuntutan ini bukan kumulatif dan tertakluk kepada diskaun maksimum sebanyak 20%. Kelayakan pertama untuk manfaat ini (jika ada) hanya akan diberi bermula dari tarikh ulangtahun sijil yang kedua.
- 1.3 Kelayakan diskaun tiada tuntutan akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut, apabila terjadinya perkara yang berikut:
 - (a) Pertukaran jenis skim; atau
 - (b) Kelulusan sebarang tuntutan di bawah skim.

LAMPIRAN PA009

Peruntukan manfaat – Manfaat perbelanjaan perubatan akibat kemalangan

1. Manfaat perbelanjaan perubatan akibat kemalangan

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini, jika, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuaskan bahawa rawatan perubatan oleh doktor yang diperlukan adalah disebabkan secara langsung oleh kecederaan tubuh akibat kemalangan yang dialami oleh orang yang dilindungi dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk rawatan perubatan tersebut, caj hospital dan yuran jururawat, tertakluk kepada jumlah maksimum seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful atau di dalam sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemegang sijil berhutang kepada kami.
- 1.2 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada:
 - (a) kemalangan berlaku dan rawatan perubatan diterima sewaktu sijil takaful berkuatkuasa;
 - (b) rawatan pertama diterima dalam masa 48 jam selepas kemalangan;
 - (c) rawatan selanjutnya (jika ada) diterima dalam masa 180 hari selepas tarikh kemalangan;
 - (d) rawatan perubatan dilakukan oleh doktor ke atas orang yang dilindungi;
 - (e) rawatan perubatan adalah diperlukan dari segi perubatan; dan
 - (f) perbelanjaan perubatan yang dikenakan adalah caj yang biasa dan berpatutan.
- 1.3 Untuk perbelanjaan perubatan akibat kemalangan tersebut, sebagaimana mungkin terjadi, telah dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya oleh pihak lain, kami hanya akan membayar jumlah baki selain daripada jumlah yang telah dibayar oleh pihak yang ketiga tersebut.
- 1.4 Semua tuntutan mestilah disertakan bukti dan disokong oleh bil dan resit asal.
- 1.5 Manfaat ini bukan kumulatif; walau bagaimanapun, manfaat yang telah dibayar akan dikuatkuasakan semula pada setiap tarikh ulangtahun sijil, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini.
- 1.6 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah skim bagi manfaat ini, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupakan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut.

2. Penamatan manfaat

- 2.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi meninggal dunia, mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal atau tidak lagi layak berdasarkan terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini.

LAMPIRAN PA010

Peruntukan manfaat – Manfaat kecurian ragut

1. Rider kombo – Kecurian ragut

- 1.1 Manfaat ini hanya akan berkuatkuasa jika jadual kontrak induk dan sijil takaful menyatakan bahawa manfaat ini dimasukkan di bawah kontrak ini.
- 1.2 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini, jika, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi menjadi mangsa kecurian ragut (seperti ditakrifkan) dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful atau di dalam sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemegang sijil berhutang kepada kami.
- 1.3 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada pelaporan kejadian tersebut kepada polis. Sebarang tuntutan mestilah disertakan dengan dokumen bertulis yang dikeluarkan oleh pihak polis.
- 1.4 Manfaat ini bukan kumulatif dan hanya akan dibayar sekali pada setiap tahun sijil.
- 1.5 Manfaat yang telah dibayar akan dikuatkuasakan semula pada setiap tarikh ulangtahun sijil, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini.
- 1.6 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah skim bagi manfaat ini, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut.

2. Penamatan manfaat

- 2.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi meninggal dunia, mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal atau tidak lagi layak berdasarkan terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini.

LAMPIRAN PA011

Peruntukan manfaat – Manfaat pendapatan minggu akibat kemalangan

1. Rider kombo – Pendapatan minggu akibat kemalangan

- 1.1 Manfaat ini hanya akan berkuatkuasa jika jadual kontrak induk dan sijil takaful menyatakan bahawa manfaat ini dimasukkan di bawah kontrak ini.
- 1.2 Manfaat ini akan mempercepatkan jumlah asas dilindungi.
- 1.3 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini, jika, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuatkan bahawa orang yang dilindungi mengalami hilang upaya menyeluruh dan sementara (seperti ditakrifkan) akibat kemalangan dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar manfaat pendapatan mingguan, tertakluk kepada jumlah maksimum seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau di dalam sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemegang sijil berhutang kepada kami.
- 1.4 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada hilang upaya menyeluruh dan sementara ke atas orang yang dilindungi berlaku dan dalam masa 20 hari dari tarikh kemalangan semasa sijil takaful berkuatkuasa.
- 1.5 Manfaat pendapatan mingguan yang akan dibayar adalah berdasarkan 80% daripada purata pendapatan mingguan orang yang dilindungi, tertakluk kepada jumlah maksimum seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau di dalam sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 1.6 Tempoh manfaat pendapatan mingguan yang akan dibayar tidak seharusnya melebihi 104 minggu bagi satu kecederaan, dari tarikh orang yang dilindungi diperiksa untuk kali pertama oleh doktor.
- 1.7 Manfaat pendapatan mingguan yang akan dibayar akan mengurangkan jumlah asas yang dilindungi, dan manfaat yang harus dibayar pada masa akan datang adalah tertakluk kepada baki jumlah dilindungi. Jumlah manfaat pendapatan mingguan yang harus dibayar tidak akan melebihi 100% jumlah asas yang dilindungi.
- 1.8 Manfaat ini hanya akan dibayar tidak melebihi 1 tuntutan bagi setiap peristiwa kemalangan.
- 1.9 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah skim bagi manfaat ini, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut.

2. Penamatan manfaat

- 2.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi meninggal dunia, mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal atau apabila manfaat dibayar mencecah 100% jumlah asas dilindungi atau tidak lagi layak berdasarkan terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini.

LAMPIRAN PA012

Notis penting kepada pemegang kontrak induk

Anda dinasihatkan agar membaca dengan teliti keseluruhan kontrak ini dan jika ia tidak diterbitkan selaras dengan tujuan anda, sila kembalikan kontrak induk ini kepada kami dengan segera untuk pindaan.

Sila simpan kontrak ini di tempat yang selamat kerana rujukan akan dibuat kepada dokumen ini untuk pengendorsan dan pembaharuan.

Untuk membuat tuntutan, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami di 1300-88-5055 untuk bantuan tuntutan.

Di CIMB Aviva, kami akan melakukan segala usaha kami untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pemegang kontrak kami. Sekiranya perkhidmatan kami tidak memenuhi jangkaan anda, prosedur berikut menjelaskan tindakan yang boleh anda ambil:

- Hubungan pertama haruslah bermula dengan talian Khidmat Pelanggan Careline kami di 1300-88-5055;
- Kemukakan pertanyaan di dalam talian melalui www.cimbaviva.com;
- Emel terus kepada kami di wecare@cimbaviva.com; atau
- Faks kepada kami di (603) 2698 7035.

Jika anda masih tidak berpuashati dengan jawapan kami, anda boleh merujuk kepada badan bebas yang diberikuasa berikut yang menyelia pertanyaan dan aduan awam bagi perkara berkaitan dengan takaful:

Biro Pengantaraan Kewangan

Aras 25
Dataran Kewangan Darul Takaful
4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2272 2811
Faks: (03) 2274 5752
<http://www.fmb.org.my>

Bank Negara Malaysia

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Jalan Dato' Onn
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2698 8044 smbg 8950/8958
Faks: (03) 2691 2990
<http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm>